

3 MAR 1996

WYF-kompleks

KOMPLEKS YAYASAN BELIA DUNIA MULA DIBINA MEI INI

MELAKA, 3 Mac (Bernama) -- Yayasan Belia Dunia (WYF) akan membina sebuah kompleks di kawasan seluas kira-kira empat hektar di Ayer Keroh, dekat sini pertengahan tahun ini.

Presiden Perhimpunan Belia Sedunia (WAY) Datuk Mohamad Ali Rustam malam tadi berkata, acara pecah tanah dijangka dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena lawatannya ke Melaka Mei ini.

"Buat masa ini kerajaan negeri telah meluluskan permohonan tanah bagi tujuan itu dan WYF hanya menunggu keputusan sama ada bayaran premium bagi tanah itu boleh dikurangkan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Malam Rakan Sumbangsih, di sini.

"Pembinaan kompleks itu dianggarkan melibatkan kos kira-kira RM50 juta dan menyediakan pelbagai kemudahan khususnya untuk belia seperti hotel, asrama, dewan persidangan dan bengkel," katanya.

Beliau berkata, kompleks itu dijangka siap dalam tempoh 18 bulan dan boleh digunakan menjelang akhir tahun 1998.

Mohamad Ali berkata, buat permulaan WAY akan meminjam pensyarah daripada Universiti Sarawak, Profesor Dr Ibrahim Mohamad sebagai Ketua Pegawai Eksekutif kompleks itu.

Rundingan sedang dijalankan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pendidikan bagi tujuan itu dan sekiranya cadangan itu dipersetujui, Dr Ibrahim dijangka memulakan perkhidmatannya pada 1 April ini.

"Pemilihan Dr Ibrahim adalah tepat memandangkan beliau telah lama melibatkan diri dengan kegiatan WAY dan pernah menerima Anugerah Piala Perdana Menteri Malaysia atas sumbangan beliau bagi belia," katanya.

Pembinaan kompleks itu diharap dapat mewujudkan hubungan banyak hala antara negara-negara rantau Asia dan Eropah dan membolehkan yayasan itu itu memberikan lebih fokus kepada belia di seluruh dunia, katanya.

Kompleks itu juga dijangka dapat memastikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai pusat perkhidmatan belia antarabangsa tercapai dengan memberikan perkhidmatan secara menyeluruh dan berkesan kepada belia. -- BERNAMA

NS PR